

JABATAN KEHAKIMAN MALAYSIA,  
MAHKAMAH AGUNG,  
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,  
JALAN RAJA,  
50506 KUALA LUMPUR.

Tel: 03-2939011

Fax: 03-2932582

---

Bil: (4)dlm.JK/MA 16 Jld.(ii)

Tarikh : 15 Disember 1990

Kepada,

Semua Hakim Sesyen,

Semua Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi,

Semua Majistret, Mahkamah Majistret,

Semua Pendaftar, Mahkamah Rendah,

Semenanjung Malaysia/Sabah/Sarawak.

Tuan,

PEKELILING PENDAFTAR NO: 11/90  
Pindaan-pindaan kepada fee di bawah  
Kaedah-Kaedah Mahkamah  
-----

Saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas dan ingin memaklumkan bahawa pada 29hb November, 1990 Jawatankuasa Kaedah-Kaedah telah bermesyuarat dan telah bersetuju dengan beberapa cadangan pindaan-pindaan (termasuk fee Mahkamah) kepada Kaedah-Kaedah seperti berikut -

- (i) Kaedah-Kaedah Mahkamah Agung;
- (ii) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi;
- (iii) Kaedah-Kaedah Surat Kuasa Wakil (Fee); dan
- (iv) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah.

2. Untuk makluman tuan, pindaan-pindaan kepada Kaedah-Kaedah tersebut akan diwartakan pada 27hb Disember 1990 dan akan mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1991. Memandangkan bahawa kesuntukan masa bagi mengedarkan warta-warta berkenaan sebelum 1hb Januari 1991, saya mengambil kesempatan untuk mengedarkan salinan-salinan deraf warta-warta yang akan diterbit pada 27hb Disember 1990 untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya.

3. Sila ambil perhatian bahawa pindaan fee-fee berkenaan hendaklah dikenakan mulai 1hb Januari, 1991. Saya bersukacita sekiranya tuan dapat mengambil tindakan untuk memaklumkan peningkatan fee-fee berkenaan kepada semua kakitangan yang terlibat dalam kutipan hasil dan menegaskan bahawa pindaan kepada fee-fee berkenaan hendaklah dikutip mulai 1hb Januari 1991.

Sekian.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(DATO' MOHD. GHAZALI BIN MOHD. YUSOFF)  
Ketua Pendaftar,  
Mahkamah Agung Malaysia,  
Kuala Lumpur.

s.k.

Y.A.A. Ketua Hakim Negara.

Y.A.A. Hakim Besar Malaya.

Y.A.A. Hakim Besar Borneo.

Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Malaya.

Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Kuching.

Timbalan Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur.

Timbalan Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Kota Kinabalu.

Peguam Negara, Malaysia.

Peguam Besar Negeri, Sarawak, Kuching.

Peguam Besar Negeri, Sabah, Kota Kinabalu.

Semua Penasihat Undang-Undang Negeri.

Setiausaha, Majlis Peguam, Malaya.

Semua Setiausaha, Jawatankuasa-jawatankuasa Peguam,  
Malaya.

Pegawai Kerja Akaun, semua Mahkamah berkenaan.

Setiausaha, Advocate Association of Sarawak, Kuching.

Setiausaha, Sabah Law Association, Kota Kinabalu.

Semua Setiausaha Hakim, Mahkamah Tinggi.